



06 MAR, 2024

Kastam kutip hasil atasi sasaran

SelangorKini, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam kutip hasil atasi sasaran

SHAH ALAM - Kutipan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia zon tengah sepanjang tahun lalu mencecah RM37.7 bilion, melepasi sasaran awal RM36.85 bilion.

Penolong ketua pengarah zon tengahnya berkata kutipan Selangor tertinggi iaitu RM19.7 bilion, Kuala Lumpur (RM14.3 bilion) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (RM3.7 bilion).

Norlela Ismail menambah zon tengah melakukan 1,185 kes rampasan RM77 juta dengan nilai cukai dianggar RM105 juta meliputi penyeludupan terutama rokok dan minuman keras, lapor Bernama.

“Dianggarkan RM4 juta diperoleh hasil jualan tender kenderaan melibatkan 143 kenderaan yang dilucut hak,” katanya.



06 MAR, 2024

Kastam kutip hasil atasi sasaran

SelangorKini, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SHAH ALAM - Kutipan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia zon tengah sepanjang tahun lalu mencecah RM37.7 bilion, melepasi sasaran awal RM36.85 bilion. Penolong ketua pengarah zon tengahnya berkata kutipan Selangor tertinggi iaitu RM19.7 bilion, Kuala Lumpur (RM14.3 bilion) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (RM3.7 bilion).Norlela Ismail menambah zon tengah melakukan 1,185 kes rampasan RM77 juta dengan nilai cukai dianggar RM105 juta meliputi penyeludupan terutama rokok dan minuman keras, lapor Bernama.